

Tiada lagi sungai kelas pertama

Nasib sungai di Semenanjung

Kosmo 24/06/07 M/S 9

MALAYSIA sebuah negara yang kaya dengan sumber air melalui 189 jaringan lembangan sungai di seluruh negara. Setiap lembangan pula terdiri daripada 10 hingga 20 batang sungai lagi.

Ini bermakna lebih 1,000 batang sungai wujud di Malaysia dengan kepanjangan terkumpul kira-kira 57,000 kilometer.

Daripada jumlah tersebut, 17 dikategori sebagai kelas kelima atau paling kotor.

Manakala kumpulan sungai terbersih pula hanya dalam kategori kelas kedua yang sedikit tercemar tetapi hanya boleh diminum selepas rawatan keladak dan nyah bau. Ia sekali gus bermaksud tiada lagi sungai kelas pertama.

Mengulas isu kebersihan sungai, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk

Paduka Ir. Keizrul Abdullah berkata, semua sungai di Malaysia masih berkeadaan baik kecuali 17 batang sungai yang sudah dikelaskan sebagai paling kotor.

Antaranya ialah Sungai Pinang, Sungai Juru di Pulau Pinang, manakala di Johor, Sungai Segget. Sungai-sungai tersebut diklasifi-

kasikan sebagai kelas kelima atau sangat tercemar.

Ketika ditanya mengenai tahap pencemaran di 17 sungai tersebut beliau berkata, ia disebabkan aktiviti manusia seperti perkilangan dan pembuangan sisa domestik.

"JPS melakukan pelbagai pelan pemulihan untuk menjadikan sungai-sungai tersebut bersih dan sekurang-kurangnya berada dalam kelas ketiga di mana ia selamat

untuk berenang," jelasnya.

Mengulas mengenai sungai contoh pula beliau berkata, kebanyakannya terletak di pedalaman dan beberapa kawasan di Pantai Timur.

Antaranya ialah Sungai Kampar di Perak, Sungai Terengganu di Terengganu, Sungai Pahang, Sungai Teranum, Su-

ngai Teras dan Sungai Kuantan di Pahang serta Sungai Petang di Kedah.

"Sungai-sungai tersebut tidak dikelilingi pembangunan yang besar, hanya pembangunan yang minimum. Tahap kebersihan sungai banyak bergantung kepada kemajuan

yang berlegar di sekitarnya.

"Jika banyak dan hebat pembangunannya, maka banyak juga agen pencemaran. Sungai tersebut bukan bersih dalam kelompok kelas pertama tetapi hanya dalam kelas kedua," ujarinya.

Katanya lagi, keadaan sungai-sungai tersebut yang kurang tercemar disebabkan kurangnya penempatan manusia dan suasana industri di sepanjang salirannya.

"Disebabkan ia jauh daripada penempatan besar-besaran, secara

ra tak langsung ia terpelihara daripada risiko pencemaran yang serius.

"Ia bersih di hulu, tetapi sedikit tercemar di muara kerana ia merupakan kawasan sisa pepejal dan keladak berkumpul," ujarinya.

Status Sungai

PALING BERSIH

- Sungai Kampar, Perak
- Sungai Terengganu
- Sungai Pahang
- Sungai Kuantan
- Sungai Teranum

PALING TERCEMAR

- Sungai Pinang
- Sungai Juru
- Sungai Batu Feringghi, Pulau Pinang
- Sungai Segget
- Sungai Tebrau, Johor